

KANDUNGAN

MUKA SURAT

1	●	Pendahuluan dan Falsafah
2	●	Syarat Penyertaan
3	●	Pengiktirafan dan Penerapan Kredit Rancangan Kokurikulum dalam Struktur Ijazah Pertama
4 - 8	●	Kursus-Kursus Kokurikulum
9	●	Sistem Penilaian
9	●	Pendaffaran
9	●	Laman Web
10	●	Pentadbiran
11 - 12	●	Pengerusi-Pengerusi Rancangan
13	●	Staf Pusat Rancangan Kokurikulum (Kampus Induk)
14	●	Staf Pusat Rancangan Kokurikulum (Kampus Kejuruteraan)
14	●	Staf Pusat Rancangan Kokurikulum (Kampus Kesihatan)



1.0

PENDAHULUAN DAN FALSAFAH

Dalam konteks negara membangun, Malaysia memerlukan pemimpin yang bukan sahaja mempunyai latar belakang akademik yang memuaskan, tetapi juga cekap menyesuaikan diri dalam pelbagai keadaan yang sentiasa berubah. Untuk mencapai keperluan ini, rancangan kokurikulum yang dilaksanakan di universiti ini mempunyai falsafah yang berlandaskan kepada nilai-nilai hidup, moral dan disiplin, di samping berusaha memperluas skop pendedahan kepada pelajar dalam pelbagai aspek kehidupan, selain ilmu yang didapati di bilik kuliah.

1.1 Berdasarkan falsafah seperti yang dinyatakan di atas, maka usaha-usaha telah diambil untuk melaksanakan rancangan kokurikulum Universiti Sains Malaysia dengan memberi penekanan kepada aspek-aspek berikut:

- A** Memberi peluang yang seluas-luasnya kepada pelajar untuk melibatkan diri dalam kegiatan sosiobudaya mengikut pilihan mereka berdasarkan kepada minat dan keupayaan masing-masing.
- B** Memberi pendedahan kepada pelajar tentang isu-isu penting berkaitan dengan pembangunan negara melalui kegiatan-kegiatan khidmat masyarakat, kesukarelawanan, kelestarian dan kepimpinan.
- C** Mencungkil dan memajukan bakat-bakat terpendam dalam bidang kebudayaan dan sukan. Di samping itu, dapat meningkatkan minat dan bakat kecemerlangan yang sudah wujud.
- D** Memupuk minat dan kecenderungan reka cipta dalam kalangan pelajar melalui kursus berteraskan daya usaha dan inovasi.
- E** Memberi pendedahan asas keusahawanan agar ciri positif usahawan seperti daya saing, kebolehan berinteraksi, keupayaan berdikari dan cekap dalam pengurusan kewangan dapat diterapkan dalam kehidupan pelajar.
- F** Memantapkan pembangunan kemahiran insaniah melalui aktiviti-aktiviti kokurikulum.

- 2.1 Setiap pelajar **wajib mengikuti Kursus Kokurikulum, minimum 2 kredit sebagai syarat berijazah.**
- 2.2 Semua pelajar akan menyertai kegiatan kokurikulum tertakluk kepada struktur dan syarat-syarat pengijazahan yang ditetapkan oleh pusat pengajian masing-masing.
- 2.3 Untuk mendaftar sesuatu kursus di bawah Pusat Rancangan Kokurikulum, pelajar berkenaan hendaklah memenuhi semua keperluan atau syarat-syarat pendaftaran khusus yang ditetapkan oleh kursus tersebut.
- 2.4 Bagi setiap semester, seseorang pelajar dibenarkan mendaftar tidak melebihi daripada 2 Kursus Kokurikulum (yang tidak bercanggah waktu pertemuan).
- 2.5 Pelajar yang ingin **menambah kursus pada minggu pertama dan kedua awal semester boleh mengemukakan permohonan melalui Portal Campus Online** Pusat Rancangan Kokurikulum dan akan dibenarkan menambah Kursus Kokurikulum tersebut dengan kebenaran Pengarah atau Timbalan Pengarah Pusat Rancangan Kokurikulum Kampus.
- 2.6 Pengguguran Kursus Kokurikulum hendaklah dibuat **melalui Portal Campus Online pada minggu pertama awal semester. Selepas Minggu Pertama, pelajar dikenakan denda RM50.00 untuk menggugur setiap kursus. Minggu terakhir untuk menggugur kursus kokurikulum adalah minggu ke-6.** Pengguguran kursus perlu dilakukan dengan alasan yang kukuh dan disokong oleh Pengerusi Rancangan Kokurikulum berkenaan dan disahkan oleh pihak Pengurusan Pentadbiran Pusat Rancangan Kokurikulum.
- 2.7 Bagi Kursus Kokurikulum Berpakej yang dijalankan sepanjang dua semester, pelajar tidak dibenarkan menggugur kursus yang didaftar pada semester kedua. Pengguguran hanya dibenarkan dengan mendapat kelulusan Pengarah/Timbalan Pengarah Pusat Rancangan Kokurikulum Kampus.
- 2.8 Semua pelajar yang mendaftar kursus berpakej, diwajibkan meneruskan penyertaan sehingga selesai segala keperluan kursus tersebut. Maklumat Kursus Kokurikulum Berpakej boleh dirujuk pada perkara 3.1. Pengguguran dalam kursus berpakej hanya dibenarkan atas sebab-sebab kesihatan atau kelulusan daripada Pengarah/Timbalan Pengarah Pusat Rancangan Kokurikulum.


PENGIKTIRAFAN DAN PENERAPAN KREDIT RANCANGAN KOKURIKULUM KE DALAM STRUKTUR IJAZAH PERTAMA

3.1 | JUMLAH KREDIT YANG DIAMBIL KIRA

Kursus-kursus di bawah Pusat Rancangan Kokurikulum diberi nilai minimum 1 kredit per semester dan pelajar dibenarkan mengambil sehingga 10 kredit maksimum bagi memenuhi keperluan Mata Pelajaran Pengajian Umum Kelompok U4 (MPU4). Manakala kursus WUS101-Teras Keusahawanan (2 kredit) tidak tertakluk kepada syarat ini dan akan diambil kira dalam pengijazahan sebagai tambahan kepada 10 kredit kursus kokurikulum yang lain bagi memenuhi keperluan MPU2.

Kursus Berpakej yang ditawarkan dengan nilai 3 - 10 kredit yang diambil kira dalam pengijazahan dikelompokkan di bawah Teras Kesukarelawan (Badan Beruniform), Teras Sukan, Teras Kebudayaan dan Teras Khidmat Komuniti. Berikut adalah kursus-kursus berpakej yang boleh diikuti oleh pelajar:

KURSUS KOKURIKULUM BERPAKEJ



***Untuk mendapat maklumat lanjut tentang penerapan kredit kokurikulum dalam struktur pengijazahan, **sila rujuk kepada Buku Panduan Pusat Pengajian masing-masing.**

Kursus-kursus Kokurikulum yang ditawarkan dikelompokkan dalam beberapa teras seperti yang dicadangkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi :

4.1 | TERAS KESUKARELAWANAN (6 - 10 KREDIT)

A. PALAPES TENTERA DARAT		KI KJ KK
WTD 103	Palapes Tentera Darat Peringkat Rendah	● ●
WTD 203	Palapes Tentera Darat Peringkat Pertengahan	● ●
WTD 304	Palapes Tentera Darat Peringkat Tinggi	● ●
B. PALAPES TENTERA LAUT		KI KJ KK
WTL 103	Palapes Tentera Laut Peringkat Rendah	● ●
WTL 203	Palapes Tentera Laut Peringkat Pertengahan	● ●
WTL 304	Palapes Tentera Laut Peringkat Tinggi	● ●
C. PALAPES TENTERA UDARA		KI KJ KK
WTU 103	Palapes Tentera Udara Peringkat Rendah	●
WTU 203	Palapes Tentera Udara Peringkat Pertengahan	●
WTU 304	Palapes Tentera Udara Peringkat Tinggi	●
D. SUKSIS (KOR SUKARELAWAN POLIS SISWA/SISWI)		KI KJ KK
WPD 101	Kor Sukarelawan Polis 1	●
WPD 201	Kor Sukarelawan Polis 2	●
WPD 301	Kor Sukarelawan Polis 3	●
E. SISPA (SISWA SISWI PERTAHANAN AWAM MALAYSIA)		KI KJ KK
WPA 103	Siswa Siswi Pertahanan Awam Malaysia 1	● ●
WPA 203	Siswa Siswi Pertahanan Awam Malaysia 2	● ●
WPA 303	Siswa Siswi Pertahanan Awam Malaysia 3	● ●
F. PASUKAN AMBULANS ST. JOHN		KI KJ KK
WJA 102	Pasukan St. John Ambulans 1	●
WJA 202	Pasukan St. John Ambulans 2	●
WJA 302	Pasukan St. John Ambulans 3	●
G. PASUKAN BANTUAN KECEMASAN BULAN SABIT MERAH		KI KJ KK
WBM 102	Latihan Bantuan Bulan Sabit Merah 1	●
WBM 202	Latihan Bantuan Bulan Sabit Merah 2	●
WBM 302	Latihan Bantuan Bulan Sabit Merah 3	●

Nota:

KI - Kampus Induk KJ - Kampus Kejuruteraan KK - Kampus Kesihatan

4.2 | TERAS SUKAN (1 - 3 KREDIT)

A. KURSUS BERPAKEJ (3 KREDIT, 3 SEMESTER)		KI	KJ	KK
WSC 108	Karate 1	●	●	
WSC 208	Karate 2	●	●	
WSC 308	Karate 3	●	●	
WSC 115	Taekwondo 1	●	●	●
WSC 215	Taekwondo 2	●	●	●
WSC 315	Taekwondo 3	●	●	

B. KURSUS TIDAK BERPAKEJ (1 KREDIT)		KI	KJ	KK
WSC 105	Bola Tampar - Asas	●	●	●
WSC 106	Golf	●		
WSC 110	Memanah - Asas	●	●	●
WSC 111	Ping Pong - Asas	●	●	●
WSC 112	Renang - Asas	●		
WSC 113	Senamrobik - Asas	●	●	●
WSC 114	Skuasy - Asas	●	●	●
WSC 116	Tenis - Asas	●	●	●
WSC 119	Badminton - Asas	●	●	●
WSC 124	Sepak Takraw		●	
WSC 125	Futsal	●	●	●
WSC 126	Bola Jaring		●	●
WSC 127	Pengurusan Acara 1	●	●	●
WSC 227	Pengurusan Acara 2	●		
WSC 128	Petanque		●	●
WSC 130	Orienteering		●	
WSC 131	Woodball			●



4.3 | TERAS KEBUDAYAAN (1 - 6 KREDIT)

A. KURSUS BERPAKEJ (6 KREDIT, 3 SIDANG AKADEMIK)		KI	KJ	KK
WCC 108	Jazz Band 1	●		●
WCC 208	Jazz Band 2	●		●
WCC 308	Jazz Band 3	●		●
WCC 123	Silat Cekak Malaysia 1	●	●	●
WCC 223	Silat Cekak Malaysia 2	●	●	●
WCC 323	Silat Cekak Malaysia 3	●	●	●

B. KURSUS TIDAK BERPAKEJ (1 KREDIT)		KI	KJ	KK
WCC 105	Gamelan	●		
WCC 107	Gitar	●	●	●
WCC 109	Koir	●	●	
WCC 115	Tarian Moden	●	●	
WCC 116	Tarian Tradisional	●		●
WCC 117	Teater Moden	●	●	
WCC 118	Wayang Kulit Melayu	●		
WCC 119	Senaman Qigong - Asas	●		
WCC 124	Kompang Berlagu	●	●	●
WCC 129	Tarian Latin	●		

4.4 | TERAS DAYA USAHA & INOVASI (1 - 2 KREDIT)

A. KURSUS TIDAK BERPAKEJ (1 KREDIT)		KI	KJ	KK
WCC 103	Catan	●	●	●
WCC 110	Kraftangan	●	●	●
WCC 120	Canting Batik	●		●
WCC 121	Seni Khat	●		●
WCC 122	Seni Memasak		●	●
WCC 125	Seni Wau Tradisional			●
WCC 128	Seni Sulaman Benang dan Manik Labuci			●
WCC 130	Seni Fotografi SLR Digital		●	●
WCC 131	Seni Suntingan Fotografi Digital			●
WCC 132	Seni Seramik			●
WCC 133	Seni Decoupage			●



B. KURSUS TIDAK BERPAKEJ (2 KREDIT)

KI KJ KK

WMU 102 Makers@USM Tahap 1



Kursus ini memperkenalkan kemahiran STEM yang selari dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0). Menekankan aspek kreativiti dan inovasi, mengeksplorasi konsep dan idea baharu dalam proses mencari penyelesaian 'di luar kotak' untuk menghasilkan prototaip. Pendedahan kemahiran asas kerja amali seperti proses pemutaran, proses pengisaran, kerja kayu, penggunaan pencetak 3D, asas reka bentuk Robotik, IoT dan Sistem Terbenam dalam bentuk teori dan praktikal.

WMU 112 Literasi Kecerdasan Buatan



Kursus ini memperkenalkan automasi hiper di bawah program Makers@USM untuk membangunkan kemahiran STEM para pelajar yang selari dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) melalui penerokaan konsep dan idea baharu secara kreatif dalam proses mencari penyelesaian 'di luar kotak' untuk menghasilkan projek yang merangkumi elemen automasi dan kecerdasan buatan. Pendedahan kemahiran asas kerja amali seperti proses automasi robotik, pembelajaran mendalam, pembelajaran mesin dan pengurusan projek kecerdasan buatan dalam bentuk teori dan praktikal.

4.5 | TERAS KEUSAHAWANAN (2 KREDIT)

A. KURSUS TIDAK BERPAKEJ

KI KJ KK

WUS 101 Teras Keusahawanan



Kursus ini memberikan pendedahan asas kepada pelajar tentang bidang keusahawanan dan perniagaan, dengan memberikan penekanan terhadap pelaksanaan aspek pembelajaran sambil mengalami proses melaksanakan projek perniagaan di dalam kampus. Hasil pembelajaran utama ialah penerapan budaya dan amalan murni keusahawanan dalam amalan harian pelajar. Inisiatif ini diambil untuk membuka minda dan merangsang semangat keusahawanan kepada kumpulan sasar yang berpotensi sebagai usahawan yang berjaya.

Kursus ini DIWAJIBKAN kepada semua pelajar baharu sebagai salah satu komponen kursus universiti MPU2 bagi pelajar tempatan.

4.6 | TERAS KHIDMAT KOMUNITI (2 - 4 KREDIT)

A. KURSUS BERPAKEJ (4 KREDIT, 2 SIDANG AKADEMIK)

KI KJ KK

WKM 102 Khidmat Komuniti 1



WKM 202 Khidmat Komuniti 2



Kursus ini memberi pendedahan asas tentang keperluan dan kepentingan masyarakat serta peranan pelajar ke arah pembangunan sahsiah yang lebih lestari, mencakupi pemahaman konsep khidmat komuniti, masalah semasa dan kepekaan terhadap isu-isu dalam komuniti. Pengetahuan dan kemahiran khidmat masyarakat ini diperolehi melalui aktiviti atau projek yang sistematik, dengan menjalinkan kerjasama dengan masyarakat, agensi dalam dan luar negara. Kursus ini juga menekankan konsep kelestarian melalui projek yang menerapkan konsep ekonomi lestari dan integrasi sosial.

B. KURSUS TIDAK BERPAKEJ (2 KREDIT)

KI KJ KK

WSK 102 Sains Kesukarelawanan ●

Kursus ini memberi kemahiran dan pengalaman menguruskan aktiviti kesukarelawanan berstruktur serta pelaksanaan aktiviti terancang yang memberi impak positif kepada komuniti. Kemahiran serta pengalaman yang diperoleh merupakan hasil gabungan integrasi teori dan praktikal yang disampaikan melalui amalan kepimpinan holistik yang menjadi nilai tambah kepada pelajar, dalam usaha melahirkan graduan yang berkualiti dan seimbang, berdaya saing tinggi serta berdikari. Kursus ini juga mendedahkan amalan etika dan adab sukarelawan.

**Kursus ini hanya ditawarkan pada Semester II, Setiap Sidang Akademik*

4.7 | TERAS PENGUCAPAN AWAM (2 KREDIT)

A. KURSUS TIDAK BERPAKEJ

KI KJ KK

WEC 102 Pengucapan Awam dalam Bahasa Melayu ● ●

WEC 103E Public Speaking in English Language ● ● ●

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan asas ilmu dan kemahiran pengucapan awam (**dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris**). Kursus ini merangkumi pengetahuan dan kemahiran asas menyampaikan pengucapan awam; termasuk perancangan, pengurusan, pelaksanaan, teknik persembahan, teknik pengucapan persuasif, aplikasi kaedah yang sesuai dengan audiens, konteks dan matlamat serta adab pengucapan awam. Kursus ini menekankan pembelajaran melalui aktiviti dalam kelas, amalan pengurusan dan penyampaian pengucapan awam.

4.8 | TERAS KELESTARIAN (2 KREDIT)

A. KURSUS TIDAK BERPAKEJ

KI KJ KK

WSU 101 Kelestarian Isu, Cabaran & Prospek ● ●

Kursus ini memperkenalkan konsep dan peranan pembangunan lestari untuk memastikan keperluan generasi akan datang tidak terpinggir, khususnya dalam menghadapi cabaran era globalisasi dan kemajuan teknologi maklumat. Penekanan kepada pembangunan lestari diutamakan berdasarkan 3 aspek iaitu ekonomi lestari, kepelbagaian biodiversiti dan integrasi sosial. Pelajar akan melaksanakan projek kelestarian secara berkumpulan dan berbentuk kerja lapangan. **Kursus kokurikulum ini adalah kursus MPU4 dan juga ditawarkan sebagai OPSYEN kepada semua pelajar untuk memenuhi komponen kursus universiti.**

5.0

SISTEM PENILAIAN

Rancangan Kokurikulum mempunyai sistem penilaian masing-masing yang agak berbeza antara satu dengan lain. Pada penghujung semester atau sidang (tertakluk kepada keperluan kursus tertentu), penilaian akan dibuat berdasarkan kepada penglibatan dalam perancangan, pembentangan, kedatangan/minat, pencapaian, dan laporan (laporan refleksi) dalam kursus yang dipilih. Semua kursus akan dinilai dan diberi gred abjad.

Bagi semua Kursus Kokurikulum, seseorang pelajar itu mesti mempunyai kehadiran sekurang-kurangnya 70 peratus. Gred F akan diberi kepada pelajar yang tidak memenuhi kehadiran minimum yang diperlukan.

6.0

PENDAFTARAN

6.1 | PELAJAR DI KAMPUS INDUK

A. PELAJAR TAHUN PERTAMA

Pendaftaran akan diadakan semasa Program Siswa Lestari. Pendaftaran akan dibuat secara pentadbiran oleh Pusat Rancangan Kokurikulum.

B. PELAJAR TAHUN KEDUA DAN SETERUSNYA

Untuk mengikuti kursus-kursus kokurikulum, pelajar boleh membuat permohonan semasa minggu ulang kaji setiap semester melalui Portal *CampusOnline* USM. Keputusan permohonan akan diumumkan pada atau sebelum minggu e-daftar bermula.

6.2 | PELAJAR KAMPUS KESIHATAN & KAMPUS KEJURUTERAAN

Bagi semua pelajar: Permohonan boleh dibuat melalui Sistem E-Daftar (melalui Portal *Campus Online*) secara dalam talian pada minggu pertama semester semasa.

7.0

LAMAN WEB

Pelajar boleh mendapatkan penjelasan lanjut tentang Kursus Kokurikulum dengan melayari laman web Pusat Rancangan Kokurikulum berikut:

Kampus Induk

<http://kok.usm.my>

Kampus Kesihatan

<http://www.kck.usm.my/pkck>

Kampus Kejuruteraan

<http://prk.eng.usm.my/index.php/ms/>

PENGARAH



LT. KOL BERSEKUTU (PA) PROF MADYA DR. RAHIMI CHE AMAN (DS54)

☎ 04-6535241 | ✉ rahimi@usm.my

TIMBALAN PENGARAH
KAMPUS INDUK

DR. NORMAH ABDUL LATIP (DS51)

☎ 04-6535240 | ✉ norma_abdlatip@usm.my

KAMPUS KEJURUTERAAN



MEJAR (K) TUDM PROF. MADYA DR.
MOHD SALMAN ABU MANSOR (DS54)

☎ 04-5996385 | ✉ mesalman@usm.my

KAMPUS KESIHATAN



PROF. MADYA DR. MOHD ISMAIL
IBRAHIM (DU54)

☎ 09-7676625 | ✉ ismaildr@usm.my

PEGAWAI TADBIR



PUAN NOOR RISMAFARRA HARRIS (N44)

☎ 04-6535242 | ✉ farra@usm.my

PALAPES TENTERA DARAT, LAUT DAN UDARA



KAPT. PROF. MADYA TS. IR. DR. MOHD HAZIZAN BIN MOHD HASHIM (DS54)
PUSAT PENGAJIAN KEJ. BAHAN & SUMBER MINERAL

☎ 04-5996109

✉ mohd_hazizan@usm.my

PASUKAN SUKARELAWAN POLIS SISWA/SISWI (SUKSIS)



DSP K/S DR. MOHD ADI FIRDAUS TAN ABDULLAH (DS52)
AJUTAN KOR SUKSIS USM
PUSAT PENYELIDIKAN BOKIMIA ANALISIS (ABRC)

☎ 04-6534264

✉ aditan@usm.my

KOR SISWA SISWI PERTAHANAN AWAM MALAYSIA



KOL. BERSEKUTU (PA) PROF. MADYA DR. HJ. AHMAD TAJUDDIN OTHMAN (DS54)
PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN

☎ 04-6535271

✉ judane@usm.my

PASUKAN AMBULANS ST. JOHN USM



DR. HAJAH ROZNIZA ZAHARUDDIN (DS51)
PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN

☎ 04-6535192

✉ roz@usm.my

PASUKAN BULAN SABIT MERAH USM



DR. ZARINA BTE MD NOR (DS51)
PUSAT PENGAJIAN PENDIDIKAN JARAK JAUH

☎ 04-6534570

✉ zarina_nor@usm.my

RANCANGAN KHIDMAT MASYARAKAT



DR. NORMAH ABDUL LATIP (DS51)
PUSAT PENGAJIAN PERUMAHAN,
PEMBANGUNAN & PERANCANGAN

☎ 04-6532832 | ✉ norma_abdlatip@usm.my

RANCANGAN KEUSAHAWANAN



DR. MOHD ANUAR BIN ARSHAD (DS51)
PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN

☎ 04-6532573 | ✉ anuar_arshad@usm.my

RANCANGAN SUKAN



PROF. MADYA DR. HJH. AZIAH ISMAIL (DS54)
PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN

☎ 04-6532564 | ✉ aziah@usm.my

RANCANGAN KEBUDAYAAN



DR. HAJAH FADZILAH BTE AMZAH (DS52)
PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN

☎ 04-6533239 | ✉ [fadzilhamzah@usm.my](mailto:fadzilahamzah@usm.my)

SUKAN DAN KEBUDAYAAN *KAMPUS KESIHATAN*



PROF. MADYA DR. MOHD NAZRI BIN SHAFEI (DU54)
PUSAT PENGAJIAN SAINS KESIHATAN

☎ 09-7676646 | ✉ drazri@usm.my

SUKAN DAN KEBUDAYAAN *KAMPUS KEJURUTERAAN*



DR. AZAM TAUFIK BIN MOHD DIN (DS52)
PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN KIMIA

☎ 04-5996466 | ✉ chazam@usm.my

**STAF PUSAT RANCANGAN KOKURIKULUM
KAMPUS INDUK**

ENCIK MUHAMMAD IZDIYAR ABDUL RAHIM
Pembantu Setiausaha Pejabat N19

☎ 04-6535248 | ✉ izdiyar@usm.my



PUAN SEBRINA ZULKIFLI
Pembantu Tadbir N19 (Perkeranian & Operasi)

☎ 04-6535245 | ✉ sebrina@usm.my



PUAN AZREEN FARA ARZAHAR
Pembantu Tadbir N19 (Perkeranian & Operasi)

☎ 04-6535245 | ✉ azreenfara@usm.my



PUAN AZURAINI MOHD YUSOF
Pembantu Tadbir N19 (Perkeranian & Operasi)

☎ 04-6535249 | ✉ azzuri@usm.my



CIK NORASHIKIN ALLADDIN
Pembantu Tadbir N19 (Perkeranian & Operasi)

☎ 04-6535243 | ✉ norashikin06@usm.my



ENCIK HAZIMAN MOHAMAD
Pembantu Tadbir N19 (Perkeranian & Operasi)

☎ 04-6535243 | ✉ [hazimanm@usm.my](mailto: hazimanm@usm.my)

11.0

STAF PUSAT RANCANGAN KOKURIKULUM KAMPUS KEJURUTERAAN



ENCIK ROSMAN OSMAN

Pembantu Tadbir N22 (Perkeranian & Operasi) KUP

☎ 04-5995097

✉ redac15@usm.my



PUAN SHAFARIDAH SAMSU DIN

Pembantu Tadbir N22 (Perkeranian & Operasi) KUP

☎ 04-5995212

✉ shafaridah@usm.my

12.0

STAF PUSAT RANCANGAN KOKURIKULUM KAMPUS KESIHATAN



ENCIK NORBASUDI MUHAMAD NOR

Pembantu Tadbir N22 (Perkeranian & Operasi) KUP

☎ 09-767 2371

✉ nbasudi@usm.my



TUAN MANSOR RAJA OMAR

Pembantu Tadbir N22 (Perkeranian & Operasi) KUP

☎ 09-767 2371

✉ mansorkk@usm.my